

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**MAJLIS PENUTUP
KONVENSYEN USAHANITA BINAAN 2017
(KUBINA 2017)**

**OLEH
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA**

**11 APRIL 2017 (SELASA), 9.00 PAGI
PUSAT PAMERAN DAN KONVENSYEN
MATRADE**

(MATRADE *Exhibition & Convention Centre* – MECC)

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima Kasih Pengerusi Majlis.

Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya
Merangkap Penaung Konvensyen Usahanita Binaan 2017,

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur KUBINA 2017,

Yang Berbahagia Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan,

Para Peserta Konvensyen Usahanita Binaan 2017,

Rakan-rakan media,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia Negaraku.

(PENDAHULUAN)

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas limpah dan izin kurnia-Nya jua dapat kita bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Penutup Konvensyen Usahanita Binaan atau KUBINA 2017.
2. Ucapan terima kasih turut ingin saya zahirkan kepada pihak penganjur kerana telah sudi mengundang saya untuk menyampaikan ucapan, seterusnya menyempurnakan majlis penutupan KUBINA 2017.

Hadirin yang dihormati,

3. Penganjuran KUBINA 2017 adalah hasil usahasama serta kerjasama erat antara pihak Kementerian Kerja Raya dengan Agensi di bawahnya iaitu pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).
4. Konvensyen tahunan ini memainkan peranan yang penting sebagai platform atau wadah untuk para usahanita dan golongan wanita profesional dalam negara berkumpul seterusnya mewujudkan ruang intelek dan sesi perbincangan yang aktif dan proaktif. Ia juga bermatlamat untuk membuka peluang dan potensi perniagaan, mengembangkan budaya penerokaan ilmu, serta saling bertukar idea dan pandangan yang membina di kalangan para peserta.
5. KUBINA 2017 yang dianjurkan bersempena Minggu Pembinaan Antarabangsa atau *International Construction Week (ICW) 2017*, telah dirangka secara khusus programnya agar dapat memberi manfaat yang optimum kepada semua yang hadir.

6. Penganjuran KUBINA kali ini juga telah memasuki tahun keempat penganjurannya sejak pertama kali diadakan pada tahun 2014.
7. KUBINA pada tahun ini bertemakan “Wanita Pemacu Inovasi Negara”. Sesungguhnya pemilihan tema ini amat bertepatan dan selari dengan hasrat Kerajaan untuk memberi penekanan kepada budaya inovasi dalam aktiviti ekonomi negara termasuk dalam sektor pembinaan.

(PENGLIBATAN WANITA DALAM SEKTOR EKONOMI, TENAGA KERJA DAN INDUSTRI PEMBINAAN)

Para hadirin sekalian,

8. Menurut statistik terkini dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pertumbuhan ekonomi negara berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2016 secara keseluruhannya adalah pada kadar 4.2%, dengan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 4.5% bagi suku tahun terakhir 2016.
9. Pertumbuhan positif ekonomi negara adalah turut dipengaruhi pertumbuhan KDNK sektor pembinaan yang telah berkembang sebanyak 5.1% pada suku tahun keempat pada tahun lepas, iaitu merupakan sektor kedua tertinggi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK Malaysia secara keseluruhan.
10. Dalam hal ini, keberhasilan sektor pembinaan untuk terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil dan positif, adalah disokong oleh keberkesanan pelaksanaan dasar–dasar dan program–program yang telah dirangka secara khusus oleh Kerajaan.
11. Impak daripada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe–11) serta Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme – CITP*) sebagai contohnya dilihat menjadi pemacu pertumbuhan sektor pembinaan.

12. Sumbangan dan peranan sektor pembinaan dalam membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara, sesungguhnya tidak akan sempurna tanpa penglibatan golongan usahawan dan profesional wanita yang turut serta berusaha keras bersama dalam menjayakan dasar dan program Kerajaan.
13. Buktinya dapat diperhatikan melalui statistik terkini yang dikongsi bersama oleh pihak badan profesional yang bernaung di bawah Kementerian Kerja Raya. Ia menunjukkan jumlah penglibatan golongan profesional wanita yang telah berdaftar dengannya. Angka terbaru yang diperoleh menunjukkan sejumlah 24,335 orang wanita telah berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dan 737 pula berdaftar sebagai Jurutera Profesional dengan Lembaga Jurutera Malaysia.
14. Ini diikuti pula dengan sejumlah 704 orang wanita yang telah berdaftar sebagai Arkitek Siswazah dan 364 orang lagi telah berdaftar sebagai Arkitek Profesional dengan pihak Lembaga Arkitek Malaysia.
15. Manakala maklumat pendaftaran yang dikemaskini oleh pihak Lembaga Juruukur Bahan Malaysia menunjukkan bahawa seramai 1,182 orang pula telah berdaftar sebagai Juruukur Bahan Siswazah dan 275 orang lagi sebagai Juruukur Bahan Profesional.
16. Pada masa yang sama, penglibatan golongan wanita sebagai kontraktor binaan turut tidak ketinggalan dengan seramai 26,288 orang wanita sehingga kini telah berdaftar dengan pihak CIDB sebagai pemegang saham dalam syarikat kontraktor binaan.

Hadirin yang dihormati,

17. Dalam usaha untuk memperkukuhkan peranan dan sumbangan wanita daripada perspektif modal insan dalam negara, Kerajaan telah menjadikan sektor awam sebagai platform mengenengahkan contoh terbaik pelaksanaan agenda pemerkasaan wanita.
18. Sebagai contohnya sehingga kini, sejumlah 57.5% daripada jumlah keseluruhan anggota perkhidmatan awam adalah terdiri daripada golongan wanita, tidak termasuk pengisian jawatan dalam skim perkhidmatan di bawah angkatan tentera dan polis.
19. Kerajaan juga telah mengisi sejumlah 35.6% atau bersamaan dengan 1,419 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Tertinggi sedia ada dalam perkhidmatan awam dengan golongan wanita, melepasi sasaran kuota 30% yang telah ditetapkan.
20. Ia dilakukan bukan sahaja untuk membuktikan kesungguhan dan komitmen Kerajaan, malah ia turut selari dengan dasar semasa Kerajaan supaya sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan korporat.
21. Jelas di sini bahawa peranan dan sumbangan wanita kepada negara tidak pernah dipandang remeh oleh Kerajaan. Keutamaan terus diberikan bagi memastikan daya saing wanita termasuk penglibatan mereka dalam aktiviti ekonomi dan tadbir urus negara sentiasa seiring dengan arus kemajuan Malaysia.

(USAHA MENARIK PENYERTAAN WANITA DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN MEREALISASIKAN ASPIRASI TRANSFORMASI NASIONAL 50 (TN50))

Para hadirin sekalian,

22. Keupayaan wanita dalam memberi sumbangan kepada usaha pemerkasaan tenaga kerja negara sesungguhnya tidak dapat disangkal. Sehubungan dengan itu, pihak majikan khususnya dalam sektor pembinaan, diseru agar dapat menyediakan inisiatif–inisiatif yang mampu menarik lebih ramai penyertaan golongan wanita dalam industri yang mencabar ini.
23. Inisiatif dalam bentuk program bekerja anjal atau *flexible working programme*, dan program pementoran seperti yang sekian lama dilaksanakan di sesetengah negara maju, diyakini akan berupaya menarik lebih ramai penyertaan golongan wanita.
24. Dalam perspektif ini, para majikan dalam sektor pembinaan, perlu lebih memahami dan menyedari bahawa golongan wanita yang menyertai pasaran tenaga kerja, bukan sahaja memikul peranan dan tanggungjawab sebagai pekerja semata–mata.
25. Golongan wanita pada masa yang sama, juga memikul tanggungjawab sebagai isteri dan ibu, yang memerlukan pemahaman dan kerjasama daripada pihak majikan, untuk mewujudkan ekosistem lebih kondusif dan menyeluruh, dalam usaha mencapai keseimbangan penyempurnaan tanggungjawab sama ada semasa di rumah, mahupun di tempat kerja.
26. Dengan lebih 18,000 orang graduan wanita, iaitu kira–kira 22.9 peratus daripada jumlah keseluruhan graduan dalam bidang teknikal, lepasan sijil sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD.) telah bergraduan pada tahun 2015, maka jelas jumlah tenaga kerja wanita yang boleh digembleng oleh pihak sektor pembinaan adalah besar dan tidak boleh diabaikan.

27. Maka oleh yang demikian, pihak majikan seharusnya menjadikan keperluan golongan wanita yang menceburi sektor pembinaan diberi lebih penekanan dan pengurusan modal insan yang bersifat lebih holistik. Melalui pendekatan yang lebih menyeluruh, penglibatan dan produktiviti golongan wanita dalam sektor pembinaan akan dapat ditingkatkan, selari dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

(PENUTUP)

Hadirin yang saya hormati,

28. Penganjuran Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2017 diharap telah dapat memberi manfaat dan impak positif kepada kesemua para peserta yang telah sudi hadir dan meluangkan masa pada hari ini.
29. Sebarang ilmu pengetahuan yang telah ditimba, serta pengalaman dan kepakaran yang telah dikongsi bersama, saya berpandangan, sesungguhnya amat berguna kepada para peserta pada masa mendatang.
30. Saya juga amat berharap, jaringan kenalan baru yang telah dibina mahupun rangkaian kenalan yang telah sedia ada terjalin dalam kalangan para peserta, ianya tidak berakhir di sini sahaja. Bahkan, diharapkan kesinambungannya dapat diteruskan walaupun setelah berakhirnya penganjuran konvensyen ini.
31. Semoga hubungan ini dapat dipereratkan lagi dengan tujuan memperkukuhkan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan wanita khususnya yang terlibat dalam sektor pembinaan. Bak kata pepatah,

“bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”.

32. Saya berkeyakinan, dengan kekuatan peribadi dan permuafakatan yang ditunjukkan oleh golongan wanita dalam sektor pembinaan, para usahanita dan profesional wanita binaan akan berdiri lebih teguh dalam mengharungi cabaran pada masa hadapan.
33. Dengan berlabuhnya tirai penganjuran KUBINA 2017 dan di kesempatan ini juga, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat sama dalam menjayakan penganjuran KUBINA 2017.

Bintang Barat terbit petang,
Bintang Timur terbit pagi;
Jika tidak melarat panjang,
Ada umur ketemu lagi.

34. Akhir kata, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan rasminya menutup Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2017 pada hari ini.

Sekian, wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.